

## senibudaya

# Dongeng Si Puteri Lara dapat pujian

Oleh Meor Ahmad  
Nasriin Rizal Ishak  
meor.ahmad@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Pementasan teater *Dongeng Si Puteri Lara* di Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Universiti Putra Malaysia (UPM), di sini, baru-baru ini, memenuhi keperluan tradisi keilmuan, khususnya dalam mengkaji dan menghayati kesusasteraan Melayu.

Dekan Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi (FBMK) UPM, Prof Dr Abdul Muati @ Zamri Ahmad, berkata pementasan bersempena dengan program Malam Tradisi Sastera Rakyat ke-33 (MTSR 33) itu adalah untuk menerapkan pembelajaran menyeluruh dalam kalangan mahasiswa yang bukan hanya memfokuskan skrip dan lakonan

sesuatu naskah cerita rakyat, tetapi juga penghayatan pengajaran melalui kisah yang dipentaskan.

“Menerusi subjek ini, pelajar dapat mendalami satu daripada komponen penting dalam kesusasteraan, iaitu kebudayaan setempat yang secara tidak langsung mencerminkan ketinggian budaya sesuatu masyarakat.

### Peluang amali

“Kami berharap dengan adanya program sebegini dalam kursus yang ditawarkan dapat memberi satu peluang amali kepada mahasiswa untuk melengkapkan diri mereka dengan kemahiran insaniah, selain pembelajaran dari aspek kognitif, afektif dan psikomotor di dalam bilik kuliah,” katanya.

Pementasan teater itu mendapat pujian daripada pelbagai pihak yang teruja dan kagum dengan seni lakonan yang dipertontonkan



Pementasan teater *Dongeng Si Puteri Lara* itu mendapat pujian daripada pelbagai pihak yang teruja dan kagum dengan seni lakonan yang dipersembahkan.

## info

### Dongeng Si Puteri Lara

→ **Aktiviti** pelajar terhasil daripada usaha dan kerjasama pelajar yang membentuk sebuah produksi yang dinamakan *Produksi Sasikirana*

→ **Produksi** ini adalah gabungan mahasiswa Ijazah Sarjana Muda Sastera Kesusasteraan Melayu FBMK dan pelajar Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Pengajaran Bahasa Malaysia Sebagai Bahasa Pertama, Fakulti Pengajian Pendidikan

oleh mahasiswa yang tidak mempunyai asas lakonan.

MTSR ialah satu medium untuk mahasiswa menimba pengalaman baharu dalam bidang pementasan persembahan kesusasteraan Melayu, sekali gus memiliki pengetahuan dalam mengubah suai karya berkenaan untuk persembahan dan membantu memugar serta melestarikan cerita rakyat Melayu dalam kalangan generasi baharu.

### lestari warisan

Pensyarah program MTSR 33, Dr Roslina Abu Bakar, berkata dengan aktiviti itu, pelajar dapat mengukuhkan pengetahuan mereka dalam bidang kesusasteraan Melayu dan melestarikan seni warisan yang kian dilupai oleh



Profesor Dr Abdul Muati  
@ Zamri Ahmad

generasi kini.

“Objektif program yang dilaksanakan ini turut tercapai, iaitu pelajar mampu menyeimbangkan aspek JERIS (jasmani, emosi, rohani, intelek dan sahsiah) serta meningkatkan kemahiran insaniah,” katanya.

Pementasan *Dongeng Si Puteri Lara* memberi impak dalam membantu masyarakat memahami dan menghayati konsep sastera rakyat yang terdapat di negara ini.

Melalui pementasan itu, idea baharu dapat dijana dalam kalangan pelajar sebagai inisiatif untuk memelihara kepentingan dan kekayaan nilai sastera Melayu di Malaysia agar diperkembangkan pada generasi akan datang.